

## **PENDEDAHAN DAN TUJUAN PENGGUNAAN INTERNET DI KALANGAN PELAJAR: KAJIAN KES DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Nazrina Aziz dan Abdul Razak Saleh  
Fakulti Sains Kuantitatif  
Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah

*Abstrak:* Pada abad ke 21 yang berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi, internet dilihat sebagai salah satu daripada saluran perolehan sumber maklumat yang dapat dikongsi oleh komuniti dunia. Perkembangan internet yang begitu pantas dan pesat memerlukan generasi kini mengorak langkah agar seiring dan dapat sama-sama bersaing dalam dunia informasi tanpa sempadan. Sehubungan itu kajian ini telah dijalankan bagi meninjau pendedahan dan tujuan penggunaan internet dikalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT). Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soalselidik. Sejumlah 443 orang responden terlibat dalam kajian ini. Responden yang terlibat merupakan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM). Hasil kajian mendapati majoriti (67.1%) responden mula menggunakan kemudahan internet sejak berada di alam persekolahan lagi. Sebanyak 20.8% daripada responden menggunakan kemudahan ini ketika mengikuti kursus komputer manakala 10.4% daripada responden mula menggunakannya ketika mengambil kursus di peringkat sijil/Diploma. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden terdedah dan mula menggunakan internet sebelum memasuki IPT lagi. Kebanyakan (56.0%) responden mengenali internet melalui media. Dari aspek penggunaan internet didapati responden menggunakannya untuk pelbagai tujuan. Lebih dari 80.0% responden yang sentiasa menggunakan internet untuk mendapatkan bahan rujukan bagi menyiapkan tugas. Responden juga gemar menggunakan internet bagi tujuan pembelajaran, 80.0% daripada responden memberikan reaksi positif bahawa internet merupakan sumber yang sentiasa digunakan untuk tujuan ini. Sebanyak 51.7% daripada responden menggunakan internet untuk mengetahui hal chwal smasa. Internet juga dijadikan sebagai alternatif untuk mendapatkan hiburan dan maklumat (41.1%). Responden tidak gemar menggunakan internet bagi tujuan membeli-belah, hanya 3.8% daripada responden kajian yang menggunakan sumber internet bagi tujuan ini. Hasil kajian menunjukkan majoriti daripada responden menerima dan menggunakan internet secara positif.

Kata kunci: Internet, Pelajar IPT

### **PENGENALAN**

Internet adalah satu rangkaian komputer yang membolehkan perkongsian maklumat sekiranya terdapat pertalian komunikasi. Internet merupakan gabungan perkataan Inter dan Network, iaitu inter-net atau antara rangkaian. Halimah Badioze Zaman (2000) [1] melaporkan terdapat dua komponen asas di dalam internet. Komponen pertama merupakan mesin iaitu komputer di mana berjuta-juta komputer di seluruh dunia dihubungkan 7 hari seminggu. Setiap komputer boleh dicapai atau boleh diakses menggunakan ID internet dan setiap komputer menyediakan sesuatu maklumat atau ilmu ataupun perkhidmatan. Komponen yang kedua pula adalah manusia. Berjuta-juta manusia diseluruh dunia yang tanpa mengira siang atau malam berada 'on the net' sama ada menjalani pekerjaan, berhubung dengan pesaing, klien, rakan kongsi, menghantar e-mel, berbincang atau menjelajah beribu-ribu komputer dan perpustakaan digital untuk memperolehi sumber ilmu yang wujud di merata dunia. Jelas bahawa teknologi seperti internet dapat mewujudkan satu komuniti maya yang membolehkan perkongsian maklumat dan idea yang boleh melibatkan pelbagai pihak tanpa mengira di mana mereka berada.

Daripada pembentangan Bajet 2004 [6], pelbagai intensif dan program akan diperkenalkan oleh kerajaan dalam menggalakkan penggunaan internet. Antaranya adalah seperti pengurangan caj akses internet, peruntukan RM637 juta untuk program pengkomputeran sekolah dan pemansuhan cukai bateri komputer. Menurut pengerusi Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM) Xavier Tan, pengurangan caj capaian internet akan menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia menggunakan internet (Utusan Malaysia, 2003). Internet dikatakan merupakan sumber perolehan maklumat yang paling cepat dan mudah. Internet bukan sahaja dapat digunakan untuk mencari maklumat, ianya juga dapat diaplikasikan untuk pelbagai tujuan lain antaranya adalah seperti mencari hiburan, pembelian

maya, pengalaman maya seperti menonton konsert dan sebagainya. Namun begitu penggunaan internet dilihat lebih bergantung kepada keperluan individu pada sesuatu masa dan situasi ketika itu.

Berdasarkan laporan National Telecommunication and Information Administration, Economics and Statistics Administration (2002) [8], bilangan pengguna internet bertambah sebanyak 20.0% dari tahun 1997 hingga 2001. Golongan yang banyak menggunakan internet adalah 69.0% daripada golongan yang berumur antara 9 hingga 17 tahun dan 65.0% daripada golongan yang berumur antara 18 hingga 24 tahun.

Internet juga dikatakan mempunyai peluang penggunaan yang luas di universiti berbanding dengan mereka yang berada di luar universiti (Adnan Hussein, 2000). Jika dilihat pada kajian yang dijalankan Jones et al. (2002) [10], beliau menyatakan pelajar institut pengajian tinggi (IPT) merupakan golongan yang paling kerap menggunakan internet. Kenyataan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Mohd Taib dan Che Su (1999) [7] serta Bleakly et al. (2004) [1].

Penggunaan internet kini dilihat telah menjadi sebahagian daripada kehidupan akademik pelajar. Berdasarkan kajian Mack dan Delicio (1999) [9], majoriti (92.0%) pelajar gemar melayari laman web untuk mendapatkan bahan kuliah yang akan disampaikan di kelas. Dapatan ini selari dengan kajian oleh John Lubans (1999) [4] yang menyatakan aplikasi internet seperti laman web sering digunakan oleh pelajar untuk tujuan pembelajaran dan akademik (78.9%). Kian Sam Hong et al. (2003) [5] juga melaporkan majoriti pelajar memberi respon positif terhadap penggunaan internet dalam pembelajaran. Hasil kajian yang sama juga diperolehi dalam laporan Mohd Taib dan Che Su (1999) [7] yang menyatakan tujuan utama menggunakan kemudahan internet adalah bagi mendapat rujukan ilmiah.

Jones et al. (2002) [10] juga melaporkan bahawa 79.0% daripada pelajar menyatakan bahawa internet memberikan impak positif ke atas akademik mereka. Kajian ini juga mendapati 73.0% daripada responden lebih selesa menggunakan kemudahan internet berbanding perpustakaan. Dapatan ini disokong oleh kajian Mack dan Delicio (1999) [9] yang menyatakan seramai 64.0% daripada pelajar gemar mendapatkan maklumat menerusi internet memandangkan ianya lebih selesa dan mudah daripada ke perpustakaan. D'Esposito et al. (1999) [2] juga memperolehi hasil yang sama, kajian ini turut melaporkan bahawa cara pemilihan untuk mendapatkan sumber rujukan sama ada internet atau perpustakaan bergantung pada tempoh masa menyiapkan tugas, topik tugas dan kehendak penyarah.

Selain daripada tujuan pembelajaran, internet juga digunakan untuk pelbagai tujuan lain. Berdasarkan laporan Bleakly et al. (2004) [1] internet turut digunakan bagi tujuan melawati laman sukan dan muzik (85.0%), carian maklumat kesihatan (55.0%) dan maklumat am (86.0%), e-me! (76.0%), irc (57.0%) dan permainan (77.0%). Manakala daripada kajian D'Esposito et al. (1999) [2] didapati internet juga digunakan untuk berhubung dengan rakan-rakan, memuat turun lagu, mendapatkan maklumat tertentu berkenaan biasiswa, sukan, isu pengguna dan sebagainya.

Mohd Taib dan Che Su (1999) [7] pula melaporkan, antara motif lain penggunaan internet adalah untuk mendapatkan hiburan, kenalan, mengisi masa terluang dan sebagainya. Melalui kajian ini juga dinyatakan bahawa internet digunakan sekurang-kurangnya satu hingga dua kali seminggu. Manakala daripada kajian Bleakly et al. (2004) [1] dan Jones et al. (2002) [10] dilaporkan internet digunakan hampir setiap hari, berdasarkan kajian mereka juga dilaporkan internet paling banyak dicapai di kolej.

Daripada kajian lepas yang dilaporkan, jelas bahawa internet merupakan kemudahan berasaskan teknologi yang membolehkan kita mengakses pelbagai maklumat dengan pantas, mudah dan cepat. Oleh kerana itu, adalah penting untuk memastikan pelajar kita mendapat pendedahan dan sama-sama menikmati serta menggunakan kemudahan internet ini dengan optimum. Kerajaan juga telah memberikan penekanan besar dalam pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi.

Sebagai sumber informasi dihujung jari, internet dapat membekalkan atau memberikan kita apa sahaja bentuk maklumat yang dikehendaki termasuk maklumat yang tidak berfaedah seperti laman porno dan bahan-bahan negatif lain.. Oleh yang demikian, kita seharusnya bijak menilai dan menguruskan maklumat yang diperolehi agar maklumat tersebut berkualiti dan dapat digunakan secara efektif.

Walaupun, teknologi canggih ini menyediakan pelbagai kemudahan dan faedah kepada kita, namun sekiranya ia disalah gunakan maka internet boleh memberikan implikasi yang buruk terutamanya ke

atas golongan pelajar. Dengan itu, tujuan penggunaan internet di kalangan pelajar perlu ditinjau bagi memastikan teknologi ini dimanfaatkan oleh pelajar untuk tujuan yang berfaedah.

### BAHAN DAN KAEDAH

Kajian ini bertujuan untuk melihat pendedahan internet dan mengenal pasti tujuan penggunaan internet dikalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar ijazah sarjana muda di Universiti Utara Malaysia. Sampel kajian melibatkan responden dalam sebuah kuliah yang merupakan subjek teras program. Hanya satu subjek teras program dipilih secara rawak bagi setiap sekolah yang terdapat di Universiti Utara Malaysia. Terdapat 9 buah sekolah di Universiti Utara Malaysia yang menyediakan kursus ijazah sarjana muda iaitu Sekolah Sains Kuantitatif, Sekolah Perakaunan, Sekolah Pengurusan, Sekolah Kewangan Dan Perbankan, Sekolah Sains Kongnitif Dan Pendidikan, Sekolah Teknologi Maklumat, Sekolah Ekonomi, Sekolah Pengurusan Sosial dan Sekolah Pengurusan Pelancongan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik. Responden dikehendaki melengkapkan maklumat tentang demografi dan latar belakang mereka. Bagi mendapatkan maklumat mengenai pendedahan internet, responden disoal mengenai cara mereka mengenal internet, pemilikan komputer, perisian yang diminati, perbelanjaan yang diperuntukkan untuk menggunakan kemudahan internet, kekerapan mengunjungi kafe siber dan lain-lain. Seterusnya responden disoal mengenai tujuan penggunaan internet seperti sama ada untuk mendapatkan rakan baru, mendapatkan bahan rujukan untuk tugas, mencari hiburan sahaja, mendapatkan maklumat sahaja (misalnya mengenai peluang pekerjaan) dan sebagainya.

### KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Seramai 443 responden yang terlibat dengan kajian ini. Daripada bilangan itu sejumlah 330 responden atau 74.5% adalah pelajar perempuan manakala 113 responden atau 25.5% adalah pelajar lelaki. Seramai 73.3% daripada responden adalah pelajar Melayu, 18.3% pelajar Cina, 2.8% pelajar India, dan 5.6% adalah pelajar daripada kaum lain.

Seterusnya hasil kajian mendapati 39.1% daripada waris responden bekerja sendiri diikuti dengan 17.4% daripadanya bersara dan 17.2% bekerja dengan kerajaan. Kebanyakan responden terdiri daripada pelajar semester kelima diikuti dengan pelajar semester ketiga. Seramai 46.7% daripada responden yang mengambil STPM, dimana 43.3% daripadanya dalam aliran sastera. Daripada kajian dapat diperhatikan hampir separuh daripada responden (49.2%) menggunakan STPM sebagai kelulusan untuk memasuki UUM. Seramai 33.2% responden memasuki UUM melalui program matrikulasi manakala 17.4% lagi menggunakan Diploma. Hasil kajian mendapati sumber utama yang digunakan responden untuk mengenali internet adalah melalui media (56.0% daripada keseluruhan responden). Seramai 17.8% daripada responden mula mengenali internet ketika di sekolah menengah, 13.4% melalui rakan-rakan dan hanya 5.7% mendapat pendedahan mengenai internet ketika berada di Universiti Utara Malaysia.

Ujian ketakbersandaran telah dijalankan dan keputusan kajian menunjukkan terdapat perkaitan yang bererti di antara faktor-faktor demografi seperti kaum, agama, program pengajian, pendapatan keluarga sebulan dan kelulusan yang digunakan untuk memasuki UUM dengan sumber yang digunakan oleh responden pada kali pertama mendapat informasi mengenai internet. Lihat Jadual 1.

Jadual 1 : Ujian Ketakbersandaran

	Program pengajian	Kaum	Agama	Pendapatan keluarga sebulan	Kelulusan
Sumber yang digunakan oleh responden pada kali pertama mendapat informasi mengenai Internet.	P=0.033*	p=0.000*	p=0.000*	p=0.022*	p=0.015*

\* Bererti pada aras keertian 0.05

Jika di tinjau dari segi penggunaan internet pada kali pertama oleh responden, hasil kajian mendapati kebanyakan (67.1%) responden mula menggunakan internet ketika berada di alam persekolahan lagi. Seramai 20.8% menggunakan kemudahan moden ini ketika mengikuti kursus komputer. Sebanyak 10.4% daripada responden pula mula menggunakan internet ketika mengikuti kursus peringkat sijil/Diploma. Jelas bahawa hasil kajian menunjukkan majoriti responden mula terdedah dan menggunakan kemudahan internet sebelum mereka memasuki Universiti Utara Malaysia lagi. Ujian ketakbersandaran membuktikan terdapat perkaitan bererti antara jantina, kaum dan kelulusan yang digunakan untuk memasuki UUM dengan kali pertama responden menggunakan internet (Jadual 2).

Jadual 2 : Ujian ketakbersandaran

	Kaum	Jantina	Kelulusan
Sumber yang digunakan oleh responden pada kali pertama menggunakan ICT.	p=0.010*	P=0.010*	p=0.000*

\* Bererti pada aras keertian 0.05

Seterusnya tinjauan mendapati daripada 443 orang responden, lebih daripada 50.0% yang memiliki komputer peribadi berbanding 42.4 % yang tidak memiliki komputer peribadi. Manakala 5.0% daripada bilangan responden memiliki komputer riba. Seramai 77.4 % daripada responden yang memiliki komputer peribadi terdiri daripada kaum melayu. Kaum india menunjukkan peratusan terendah dari aspek pemilikan komputer peribadi. Ujian khi kuasa dua membuktikan bahawa pemilikan komputer peribadi berkait dengan kaum (nilai  $p = 0.044$ ). Didapati secara majoritinya (64.6%) responden yang memiliki komputer peribadi merupakan pelajar semester ke-6. Hanya 0.4% sahaja responden daripada semester ke-2. Penyelidik berpandangan bahawa situasi begini terjadi disebabkan oleh pelajar tahun akhir perlu menyiapkan banyak tugas dan kajian ilmiah. Dengan adanya komputer peribadi maka ianya akan mempercepatkan serta memudahkan mereka dalam menyiapkan tugas dan sebagainya. Di samping itu responden yang berada di tahun akhir pasti mempunyai simpanan hasil daripada pinjaman atau biasiswa yang diperolehi dan ini membolehkan mereka membeli komputer peribadi. Semester pengajian responden juga mempunyai hubungan yang bererti dengan pemilikan komputer peribadi (nilai  $p = 0.000$ ).

Dari aspek penggunaan internet didapati responden menggunakannya untuk pelbagai tujuan. Berdasarkan Jadual 3, lebih daripada 80.0% responden menggunakan internet untuk mendapatkan bahan rujukan bagi menyiapkan tugas. Daripada ujian khi kuasa dua pula didapati penggunaan internet berkait dengan jantina (nilai  $p = 0.004$ ). Responden perempuan (37.6%) menunjukkan peratusan yang tinggi dalam menggunakan internet bagi tujuan mendapatkan bahan rujukan untuk menyiapkan tugas. Manakala hanya 72.9% daripada responden lelaki menggunakan internet bagi tujuan yang sama.

Jadual 3 : Peratus Responden Yang Menggunakan Internet Untuk Mendapatkan Bahan Rujukan Untuk Tugas

Kekerapan Menggunakan Internet	Kekerapan	Peratus
Sentiasa	354	83.9
Kadang - kadang	43	10.2
Jarang	11	2.6
Tidak pernah	14	3.3

Hasil kajian mendapati laman web merupakan aplikasi yang paling banyak digunakan (85.6%). Maklumat ini selaras dengan maklumat yang dipaparkan dalam Jadual 3 iaitu laman web digunakan untuk mendapatkan bahan dan rujukan bagi menyiapkan tugas. Lihat Jadual 4.

Jadual 4 : Peratus Responden Mengikut Aplikasi Yang Diminati

Aplikasi yang diminati	Peratus
Laman web	85.6
Surat elektronik (Emel)	78.1
Diskusi	30.9
Internet Relay Chat (Irc )	30.7
File Transfer Protocol (FTP)	20.8
Lain-lain	6.5

Berdasarkan Jadual 5, responden juga gemar menggunakan internet bagi tujuan pembelajaran, 80.0% memberikan reaksi positif bahawa internet merupakan sumber yang sentiasa digunakan untuk tujuan ini. Seramai 51.7% daripada responden menggunakan internet untuk mengetahui hal ehwal semasa. Internet juga dijadikan sebagai alternatif untuk mendapatkan hiburan dan maklumat (41.1%). Responden tidak gemar menggunakan internet bagi tujuan membeli-belah, hanya 3.8% daripada responden kajian yang menggunakan sumber internet bagi tujuan ini.

Jadual 5: Peratusan responden menggunakan internet mengikut tujuan.

Tujuan	Peratus
Internet untuk mendapatkan bahan rujukan untuk tugas	83.9
Internet untuk tujuan pembelajaran	80.0
Internet untuk mengetahui hal ehwal semasa	51.7
Internet untuk mendapatkan hiburan dan maklumat	41.1
Internet untuk mengisi masa lapang	38.2
Internet untuk menghilangkan tekanan	34.4
Internet untuk berkonsi pendapat	23.9
Internet untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang pekerjaan	17.2
Internet untuk mendapatkan rakan baru	6.8
Internet untuk mendapatkan maklumat tentang biasiswa/pinjaman	6.0
Internet untuk tujuan membeli-belah	3.8

Daripada kajian juga, didapati majoriti daripada responden memberi respon positif pada kemudahan internet. Memandangkan pihak universiti menyediakan makmal komputer yang dilengkapi dengan kemudahan internet dan bayaran tidak dikenakan, maka ini memudahkan lagi responden untuk menggunakannya. Didapati lebih daripada 40.0% daripada responden tidak mengunjungi siber kafe manakala 33.4% hanya mengunjungi siber kafe sekali seminggu.

Pada keseluruhannya pendedahan dan penggunaan internet oleh responden di Institut Pengajian Tinggi berada pada tahap yang amat memuaskan. Dari aspek penggunaan internet, hasil kajian mendapati majoriti responden menunjukkan reaksi positif dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan yang berfaedah. Jika dahulu responden menggunakan perpustakaan sebagai sumber utama untuk mendapatkan bahan rujukan, namun kini diperhatikan lebih 80% daripada responden menggunakan internet sebagai alternatif untuk mendapatkan bahan rujukan dalam menyiapkan tugas. Keputusan ini adalah selari dengan penerokaan laman web untuk mendapatkan sumber maklumat, di mana hasil kajian menunjukkan ia memberikan nilai peratusan tertinggi di antara perisian yang diminati responden. Responden juga menggunakan internet bagi tujuan pembelajaran. Situasi ini merupakan satu perkembangan yang baik, memandangkan responden dapat mempelajari pelbagai bidang pengetahuan yang baru tanpa membazirkan masa dan wang.

## PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada Universiti Utara Malaysia yang telah menaja penyelidikan ini dan seterusnya membiayai semua perbelanjaan yang terlibat dengan pembentangan hasil kajian. Sekalung ucapan terima kasih juga buat semua pensyarah UUM yang telah membenarkan dan membantu urusan pengedaran kertas soal selidik di kuliah yang terpilih.

## RUJUKAN

1. Bleakly, A., Merzel, C.R & VanDevanter, N.L. 2004. Computer Access and Internet Use Among Urban Youths. *American Journal of Public Health*. 94 (5) : 744-746.
2. D'Esposito, Joann E., Gardner, Rachel M. 1999. University Students Perceptions of The Internet : An Exploratory Study. *Journal of Academic Librarianship*. Vol 25 Issue 6.
3. Halimah Badioze Zaman. 2000. Teknologi Maklumat Dalam Pengurusan dan Pentadbiran : Cabaran Pustakawan Dalam Alaf Baru. (atas talian). <http://202.186.179.2/seminarukm/cabaranpustakawan.pdf>.
4. Lubans, J. 1999. Key findings on Internet Use Among Students. (atas talian). <http://www.lubans.org/docs/key/key.html>.
5. Kian Sam Hong, Abang Ahmad Ridzuan & Ming Koon Kuek. 2003. Students attitudes toward the use of the Internet for learning : A study at university in Malaysia. *Educational Technology & Society*. 6 (2) : 45-49.
6. Megabit. 2003. Bajet 2004: Penggalak Pertumbuhan ICT dan Teknologi Tinggi. Utusan Malaysia
7. Mohd Taib Ariffin dan Che Su binti Mustaffa. 1999. Persepsi remaja terhadap pendedahan dan penggunaan Internet : Kajian di negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. *Prosiding Seminar Kebangsaan Kerja Sosial*, 26-27 Januari 2000. 207-222
8. National Telecommunications and Information Administration, Economics and Statistics Administration. A nation online : how Americans are expanding their use of Internet. 2002. (atas talian). <http://www.ntia.doc.gov/ntiahome/dn>.
9. Mack, P.E., dan Delicio.G. 2000. Assessing the Use of Information Technology in the Classroom. *The Journal of Electronic Publishing* Vol 6 Issue 1.
10. Jones, S. et al. 2002. The Internet Goes to College. (atas talian). <http://www.pewinternet.org/>.